

<b>1. Skim Perkhidmatan</b>	:	Penolong Akauntan
<b>Gred</b>	:	W5
<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	:	Kewangan
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	Pelaksana
<b>Taraf Jawatan</b>	:	Kontrak
<b>Tempoh Lantikan</b>	:	1 tahun
<b>Kekosongan Jawatan</b>	:	1 kekosongan

**Jadual Gaji**

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI TAHUNAN
<b>RM 1,650.00</b>	<b>RM 6,620.00</b>	<b>RM 145.00</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklanjawatan; dan
- (c)
  - (i) Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - (ii) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan
  - (iii) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM1,650.00); atau

- (ii) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan
- (iii) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM1,893.00); atau

- (iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM2,136.00)

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Fungsi Bidang Tugas

1. Membantu dalam merancang, menyelaras dan mengurus Belanjawan Pembangunan Negeri Johor;
2. Membantu dalam mengurus peruntukan dan perbelanjaan Belanjawan Pembangunan Negeri Johor;
3. Membantu dalam penyelarasan permohonan program dan projek pembangunan daripada jabatan/agensi penerima peruntukan;
4. Membantu menyelaras agihan siling peruntukan bagi program dan projek Belanjawan Pembangunan Tahunan Negeri Johor;
5. Membantu dalam memproses permohonan notis perubahan (NOC) daripada jabatan/agensi bagi program dan projek pembangunan;
6. Membantu dalam pemprosesan permohonan pindah dan tambah peruntukan pembangunan daripada Pegawai Pengawal;
7. Membantu dalam menyelaras dan memantau status pelaksanaan program dan projek secara keseluruhan termasuk prestasi kewangan, fizikal dan impak;
8. Membantu dalam merancang, menggubal serta menilai semua dasar dan strategi bajet pembangunan selaras dengan dasar Rancangan Pembangunan Negeri Johor;
9. Membantu dalam penyediaan cadangan Belanjawan Pembangunan Negeri Johor;

## **CARA MEMBUAT PERMOHONAN**

- i. Permohonan hendaklah dilakukan secara dalam talian di <https://jawatan.johor.gov.my>

**TARIKH BUKA PERMOHONAN PADA : 4 SEPTEMBER 2025 JAM 5 PETANG**  
**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA : 15 SEPTEMBER 2025 JAM 5 PETANG**

### **ii. Catatan Am :**

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/ senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan, serta salinan pengiktirafan kelayakan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi kelulusan Ijazah yang **telah diakui sah** salinannya.
- iii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, Badan-badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya dipanggil temuduga, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir, secara fizikal.
- iv. Cetakan borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga.
- v. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- vi. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN,  
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI  
JOHOR ARAS 1 & 2, BLOK B  
BANGUNAN DATO' JAAFAR  
MUHAMMAD KOTA ISKANDAR  
79503 ISKANDAR PUTERI**